

UUM/AAG/BH/16.10.2015/P:35(1-2)

Mata wang logo ASEAN lambang kesatuan serantau

Peluang Malaysia wujudkan perasaan 'cintakan ASEAN' kalangan rakyat anggota

Penegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa ASEAN mampu muncul sebagai kuasa ekonomi baharu dunia adalah keyakinan yang realistik. Perkembangan dan pembangunan pesat negara ASEAN bersama usaha bersungguh-sungguh bagi mencapai Komuniti Ekonomi ASEAN (EAC), adalah lambang kesepaduan ASEAN yang lebih utuh.

Dengan keterbukaan, keupayaan modal dan kestabilan negara serta kuasa beli yang kompetitif masyarakat ASEAN, ia akan menarik minat pelabur asing untuk bertapak di negara ASEAN di tenggara benua Asia.

Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN semestinya mahukan ASEAN terus berkembang dan maju. Peranan yang perlu Malaysia mainkan dalam membina survival Asia Tenggara yang lebih kuat, lebih makmur, lebih terbuka demi kepentingan seluruh negara anggota dan rakyat keseluruhannya dilihat sebagai satu tugas mencabar, tatkala persekitaran ekonomi global tidak menentu.

Malaysia, selaku Pengerusi ASEAN dengan agenda 'merakyatkan ASEAN' perlu menggunakan detik ini bagi mentransformasikan ASEAN ke arah mewujudkan perasaan 'cintakan ASEAN' dalam kalangan rakyat seluruh anggotanya.

Bagi agenda merakyatkan ASEAN, saya ada cadangkan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed ketika sesi wawancara di RTM pada Februari 2015, agar setiap mata wang negara anggota ASEAN diletakkan logo ASEAN. Ia akan 'menghidupkan ASEAN' dalam tatapan seharian masyarakat bukan sahaja di Malaysia, malah seluruh Asia Tenggara.

Wujud kesedaran ekonomi

Tujuan utama meletakkan logo ASEAN bagi setiap mata wang negara anggota adalah untuk mewujudkan kesedaran ekonomi bahawa ASEAN akan menuju kesepaduan serantau yang makin integratif dari semasa ke semasa. Menjelmakan ASEAN pada kamata komuniti secara langsung dalam hidup seharian menerusi mata wang.

Dengan ada logo ASEAN pada mata wang Ringgit Malaysia dan Brunei, dolar Singapura, baht Thailand serta rupiah Indonesia, selain peso Filipina, Myanmar, Vietnam dan Kemboja serta Timor Timur (yang berminat menyertai ASEAN), ia membolehkan masyarakat seluruh rantau ini peka dengan kewujudan ASEAN. Ia juga akan memberi paparan yang kuat kepada dunia antarabangsa mengenai kebersamaan ASEAN.

Paparan itu menunjukkan anggota ASE-

AN, walaupun belum mampu mengikuti jejak langkah Kesatuan Eropah (EU) dalam mewujudkan euro sebagai mata wang tunggal, kesatuan itu tetap mampu melakukan langkah produktif kesepaduan dan komitmen antara sesama bank pusat seluruh negara anggota ASEAN untuk bermuafakat menjelmakan imej ASEAN dalam aspek kerjasama erat satu sama lain.

Majlis Pengurusan Mata Wang ASEAN dalam aspek imej, penetapan nilai, perundingan kadar tukaran serta dalam aspek mendepani cabaran spekulasi mata wang membabitkan anggota ASEAN juga mungkin boleh dicetuskan Malaysia.

Tabung ganti IMF

Sudah tiba masanya 'Tabung Ekonomi ASEAN' ditubuhkan bagi memberi alternatif kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Langkah ini bukan meminggirkan peranan Bank Dunia mahupun IMF yang bersifat global.

Ia hanya satu tabung yang bersifat serantau dengan menggembleran kepakaran serta juga modal dan dana dari himpunan komitmen anggota ASEAN sebagai masyarakat serantau yang mahukan transformasi pengurusan dalam aspek keselamatan ekonomi dan mata wang yang lebih memahami situasi semasa negara anggotanya. Skop yang lebih kecil dari IMF akan membawa pengurusan yang lebih dinamik dan mendasari keperluan semasa.

Selain agenda merakyatkan ASEAN dalam aspek imej mata wang negara anggota dengan logo ASEAN, saya berpandangan bahawa Malaysia selaku Pengerusi ASEAN kali ini perlulah merakyatkan ASEAN menerusi komitmen institusi.

Langkah yang boleh diambil dalam menghayati dan nuranikan ASEAN kepada rakyat secara tidak langsung ialah dengan memohon supaya negara anggota mewajibkan semua sekolah, jabatan kerajaan, kedutaan dan konsulat negara anggota ASEAN, termasuk penggiat aktiviti pelancongan, untuk mengibarkan bendera ASEAN seiring bendera nasional masing-masing.

Langkah setiap kerajaan negara ASEAN mewajibkan kibaran bendera ASEAN seiring bendera nasional negara masing-masing akan menimbulkan perasaan dalaman ASEAN dan juga menjelma imej kesatuan ASEAN kepada negara dunia yang lain.

Kibarkanlah juga bendera ASEAN di setiap kedutaan dan perwakilan negara anggota di luar dari lingkaran ASEAN.

Harapnya Malaysia boleh membawa agenda utama merakyatkan ASEAN dengan kaedah interaktif rakyat, ia akan menjadi detik sejarah perpaduan utuh ASEAN yang lebih progresif dan menuju kesepaduan serantau yang lebih dinamik. Pengaruh ASEAN yang kuat kepada masyarakat global akan dapat ditonjolkan bahawa sesama anggota ASEAN sentiasa akrab dan berkembang jitu dan jayanya. Moga cadangan ini harapnya dapat dijadikan agenda praktikal suatu masa nanti.



MD SHUKRI SHUIB



Penulis
 ialah Pensyarah Kanan Universiti Utara
 Malaysia (UUM)